

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KIMIA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)
- II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)
- III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

BIDANG

Pembelajaran Mesin (*Machine Learning*) / Kecerdasan Buatan (AI) / Kejuruteraan Pemprosesan Mikroelektronik dan Semikonduktor (*Microelectronics and Semiconductor Process Engineering*) yang berkaitan dengan Kejuruteraan Kimia

KELAYAKAN

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Kimia atau yang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, **DAN**
- ii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, **DAN**
- iii. Telah berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

SYARAT MINIMA

I. PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (PROFESOR)

- a. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan sepuluh (10) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS /Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** kombinasi lima (5) penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM200,000.

- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.
- f. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **DAN** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS.

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD atau DrPH sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- f. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM40,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **DAN** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/antarabangsa.

III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a. Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan dua (2) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS.
- b. Pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman dalam bidang industri minimum tiga (3) tahun / pasca doktoral minimum dua (2) tahun.

KRITERIA TAMBAHAN

Calon akan diberi keutamaan sekiranya mempunyai:

- i. Sijil profesional (Ir.) dalam bidang kejuruteraan kimia dan mempunyai pengalaman sebagai pensyarah (sambilan atau kontrak) atau Pasca Doktoral dengan rekod penyelidikan dan penerbitan yang baik.
- ii. Berpengalaman menguruskan program akademik dan menerajui projek penyelidikan.
- iii. Berpengalaman menguruskan pengambilan/promosi program sarjana muda dan pascasiswazah.

SPESIFIKASI TUGAS

- i. Calon yang berjaya dikehendaki menjalankan pengajaran, pentadbiran, penyelidikan dan penyeliaan dalam bidang Pembelajaran Mesin (*Machine Learning*)/ Kecerdasan Buatan (AI)/ Kejuruteraan Pemprosesan Mikroelektronik dan Semikonduktor (*Microelectronics and Semiconductor Process Engineering*) yang berkaitan dengan Kejuruteraan Kimia.
- ii. Melibatkan diri dalam perkhidmatan analisis yang ditawarkan kepada pihak industri, perundingan, pengkomersilan serta khidmat kepada universiti dan masyarakat.

CARA MEMOHON

Majukan secara emel butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **14 April 2025** kepada:

DEKAN
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
Kampus Kejuruteraan
Universiti Sains Malaysia
14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang
Emel: sitihajarms@usm.my
aiman_mohd@usm.my

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.